

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)50

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

50. Nyatakan rancangan pembangunan menyeluruh jangka masa panjang kerajaan bagi penambahbaikan infrastruktur serta sistem pengangkutan dan trafik untuk KADUN Bukit Tengah yang sedang menyaksikan pembangunan pesat.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

50. Rancangan pembangunan menyeluruh jangka masa panjang kerajaan bagi penambahbaikan infrastruktur serta sistem pengangkutan dan trafik untuk KADUN Bukit Tengah yang sedang menyaksikan pembangunan pesat adalah seperti berikut:

- (a) Pelebaran Jalan Rozhan hingga R.O.W. (right of way) jalan dari persimpangan Jalan Seladang hingga Lorong Alma Jaya
11. Cadangan ini telah disyaratkan kepada Tetuan Iconic Maison Sdn. Bhd. dan perlu disiapkan sebelum Sijil Layak Menduduki (CCC) dikeluarkan;

- (b) Pelebaran jalan susur keluar Juru, Lebuhraya Utara-Selatan dari arah utara. Cadangan ini telah disyaratkan kepada Tetuan Prospek Setia Sdn. Bhd. dan perlu disiapkan sebelum CCC dikeluarkan;

- (c) Pelebaran Jalan Rozhan hingga R.O.W. jalan dari ROB Alma hingga persimpangan Jalan Kota Permai termasuk pembinaan pembahagi jalan. Kerja-kerja naik taraf sedang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) dan dijangka siap pada bulan Ogos 2024;

- (d) Penaiktarafan persimpangan Jalan Alma dengan Jalan Kota Permai kepada persimpangan bulatan. Kerja-kerja naik taraf sedang dilaksanakan oleh pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

- (e) Pelebaran Jalan Tok Kangar dari Jalan Perusahaan hingga ke persimpangan lampu isyarat Jalan Tok Kangar. Kerja-kerja naik taraf sedang dilaksanakan oleh pihak PDC dan dijangka siap sepenuhnya pada suku kedua tahun 2025;

- (f) Pelebaran Jalan Tok Kangar dari Jalan Delima 1 hingga Jalan Juru. Kerja-kerja pembinaan di tapak akan dijalankan oleh JKRPP setelah urusan pengambilan balik tanah yang kini sedang dilaksanakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTSPPT) selesai;
- (g) Pelebaran Jalan Permatang Tinggi dan Jalan Bukit Tengah dari Sungai Junjung hingga persimpangan bulatan Bukit Tengah. JKRPP telah mengangkat permohonan melalui Rolling Plan Keempat Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP4 RMKe-12) untuk pertimbangan;
- (h) Penaiktarafan persimpangan Jalan Rozhan, Jalan Alma dan Jalan Seladang. Projek ini telah disenaraikan dalam Rancangan Negeri Pulau Pinang (RNPP). Kerja-kerja reka bentuk telah siap dilaksanakan. JKRPP kini sedang menunggu kelulusan peruntukan bagi pelaksanaan kerja pengambilan balik tanah dan perolehan projek;
- (i) Cadangan persimpangan berlian mencapai (diverging diamond interchange) di Jalan Kebun Nenas dari Jalan

Perusahaan hingga susur keluar Lebuhraya PLUS (arah utara). JKRPP kini sedang melaksanakan kajian reka bentuk untuk projek ini; dan

- (j) Cadangan Lebuhraya bertingkat dari Plaza Tol Juru hingga Plaza Tol Sungai Dua. Kementerian Kerja Raya (KKR) kini sedang dalam pelaksanaan Kerja Bancian Trafik Automatik dari Plaza Tol Juru hingga Plaza Tol Sungai Dua yang dijangka selesai pada penghujung bulan Mei 2024. Dapatan kajian akan dianalisis bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, JKRPP, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) untuk penyediaan laporan cadangan penyuraian trafik. Laporan ini dijangka akan dibentangkan ke Pengurusan Tertinggi KKR dan Jemaah Menteri pada bulan Ogos 2024.